

Media Title	: Harian Metro
Headline	: Jurujual didenda RM2,500 jadi keldai akaun 'scammer'
Date	: 3 July 2023
Section	: Lokal
Page	: 16



# Jurujual didenda RM2,500 jadi keldai akaun 'scammer'

**Muar:** Nuralisa Rahayu Zulkifli juga jurujual didenda RM2,500 oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas didapati bersalah menjadi keldai akaun.

Nuralisa Rahayu yang berirasal dari Pahang dijatuhi hukuman itu selepas mengaku bersalah di hadapan Majistret Analia Kamaruddin, sebaik pertuduhan dibaca jurubahasa mahkamah.

Dia boleh dipenjara empat bulan jika gagal membayar denda berkenaan.

Nuralisa Rahayu didakwa menjadi keldai akaun apabila memperoleh wang

RM21,000 daripada seorang lelaki berusia 25 tahun untuk mendapatkan pinjaman peribadi yang tidak wujud.

Kejadian berlaku apabila mangsa melihat satu iklan di Facebook berkaitan pinjaman peribadi menyebabkannya tertarik memohon.

Pengadu diberikan satu pautan untuk memohon pinjaman RM30,000.

Pengadu kemudian diminta membuat transaksi dalam talian berjumlah RM27,000 ke akaun seorang lelaki bernama Lokman Awang serta satu lagi akaun atas nama Nuralisa Rahayu berjumlah RM21,000.